



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

KELUARAN KHAS

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXVIII]

KOTA KINABALU, RABU, 3 APRIL 2013

[No. 13

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 181

[No. DUNS: [R]100-52/18(27)

PERLEMBAGAAN NEGERI SABAH

PERISYTIHARAN

Oleh TUAN YANG TERUTAMA, TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN, Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.), Seri Panglima Darjah Kinabalu (S.P.D.K.), Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (P.G.D.K.), Panglima Jasa Negara (P.J.N.), Ahli Setia Darjah Kinabalu (A.S.D.K.), Jaksa Pendamai (J.P.), YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH.

LS

TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,
Yang di-Pertua Negeri Sabah.

BAHAWASANYA Fasal (2) Perkara 21 Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua Negeri boleh membubarkan Dewan Undangan Negeri:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, SAYA, TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN, Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.), Seri Panglima Darjah Kinabalu (S.P.D.K.), Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (P.G.D.K.), Panglima Jasa Negara (P.J.N.), Ahli Setia Darjah Kinabalu (A.S.D.K.), Jaksa Pendamai (J.P.), YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada SAYA di bawah Fasal (2) Perkara 21 Perlembagaan Negeri Sabah, DENGAN INI MENGISYTIHAR bahawa Dewan Undangan Negeri Sabah Yang KETIGA BELAS hendaklah DIBUBARKAN pada 3 haribulan APRIL, 2013.

DIISYTIHARKAN dengan tandatangan SAYA dan Mohor Besar Kerajaan Negeri Sabah di Kota Kinabalu pada hari ini 3 haribulan APRIL, 2013.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,
Ketua Menteri Sabah.



DICETAK OLEH PENCETAK KERAJAAN,
DATUK HAJI SALSIDU BIN HAJI IBRAHIM, P.G.D.K., K.M.N., J.P., JABATAN CETAK KERAJAAN,
SABAH, MALAYSIA.
2013.